



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA**

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1993

**BAYARAN (FEES), ELAUN-ELAUN DAN PAMPASAN YANG
BOLEH DISIMPAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN
YANG DILANTIK MENJADI PENERUSI/AHLI-AHLI LEMBAGA
PENGARAH BADAN-BADAN BERKANUN/KUASA-KUASA
TEMPATAN/BADAN-BADAN PERNIAGAAN YANG
KERAJAAN MEMPUNYAI KEPENTINGAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menetapkan kadar baru had bayaran elaun dan pampasan yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan/Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan.

LATAR BELAKANG

2. Kadar had bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah Badan-badan Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan/Badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan telah ditetapkan di perenggan 2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1978. Kerajaan telah bersetuju mengkaji kadar berkenaan dan Pekeliling ini adalah bagi menetapkan kadar baru had itu.

KADAR BARU

3. Kadar baru had bayaran yang boleh disimpan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik menjadi Pengerusi/Ahli Lembaga Jemaah Pengarah Badan-badan

Berkanun/Kuasa-kuasa Tempatan/Badan-badan Perniagaan yang Kerajaan mempunyai kepentingan adalah ditetapkan seperti berikut:

<i>Kategori</i>	<i>Kadar Setahun (RM)</i>
(i) a. Kategori IV	9,000
b. Kategori III bergaji RM3137 dan ke bawah	
(ii) a. Kategori III bergaji RM3138 dan ke atas	14,000
b. Kategori II	
c. Kategori I bergaji RM3563 dan ke bawah	
(iii) Kategori I bergaji RM3564 dan ke atas	15,000
(iv) Jawatan Utama atau Gred Khas 'C' dan 'B'	18,000
(v) Jawatan Utama dan Gred Khas A	22,000
(vi) Jawatan Utama Turus III, II, I dan Ketua Setiausaha Negara	27,000

PELAKSANAAN

4. Pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima bayaran yang melebihi had maksimum yang ditetapkan adalah dikehendaki memulangkan jumlah lebihan yang diterimanya kepada Kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan berkenaan mematuhi peraturan ini dan Ketua Setiausaha/Ketua Jabatan diminta dari masa ke semasa menyemak supaya peraturan ini dipatuhi.

TARIKH KUATKUASA


5. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah berkuatkuasa mulai 1 Jun 1993.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Pekeliling Perkhidmatan ini adalah juga dipanjangkan kepada Perkhidmatan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, perenggan 2 Pekeliling Perkhidmatan Bil. 8 Tahun 1978 adalah dibatalkan.



(TAN SRI DATO' MAHMUD BIN TAIB)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.*

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia.

12 Mei 1993.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

s.k.:

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Semua Ketua-ketua Pengurusan Badan Berkanun.

Semua Ketua-ketua Pengurusan Kuasa Tempatan.